

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID  
[ KUALA KANGSAR ]**

**SOALAN NO. 260**

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci kriteria-kriteria pelantikan Sasterawan Negara.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melaksanakan program pengiktirafan tokoh sastera melalui Anugerah Sastera Negara (ASN). Anugerah Sastera Negara (ASN) merupakan pengiktirafan tertinggi yang diberikan oleh Kerajaan kepada sasterawan yang masih hidup yang memberikan sumbangan yang cemerlang dan berterusan dalam perkembangan kesusasteraan tanah air melalui ciptaan yang bermutu tinggi. ASN kini telah menobatkan 13 orang penerima yang bergelar Sasterawan Negara.

Dasar penilaian bagi memilih penerima anugerah tersebut adalah seperti yang berikut:

1. Karya sastera yang dihasilkan oleh calon;
2. Sumbangan fikiran calon yang berkaitan dengan dunia sastera; dan
3. Kegiatan calon yang mendorong ke arah pembinaan dan pengembangan sastera kebangsaan.